

# 'Muhyiddin tak hormat institusi Raja Melayu'

BH - 5/12/2022 m/s: 4

Ahmad Zahid mahu Pengerusi PN contohi pemimpin DAP utamakan negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, tidak menghormati institusi Raja-Raja Melayu apabila bertindak mempertikaikan segala lantikan dibuat dalam Kerajaan Perpaduan, dakwa Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, semalam.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu, berkata Muhyiddin dan sekutunya perlu berasa malu kerana dilihat terlalu gila kuasa hingga sanggup mempertikaikan keputusan Raja-Raja Melayu.

Beliau berkata, Muhyiddin perlu mencontohi pemimpin DAP yang lebih mementingkan kepentingan negara daripada parti dan

individu, bergerak ke hadapan demi menjayakan Kerajaan Perpaduan dicadangkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Muhyiddin perlu menghormati pelantikan ini. Tindakan Muhyiddin dan sekutunya yang cuba mempertikaikan segala pelantikan ini adalah gambaran wajah sebenar Muhyiddin dan sekutunya yang tidak menghormati institusi Raja-Raja Melayu.

"Muhyiddin dan sekutu, perlu belajar menjadi pembangkang berwibawa dan bukannya merengek serta meroyan tidak dapat menerima hakikat gagal menjadi Perdana Menteri dan membentuk kerajaan. Belajarlah menghormati proses dan keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook beliau, semalam.

## Bukan kerajaan PH

Ahmad Zahid mendakwa, kerajaan yang dibentuk ketika ini bukan kerajaan Pakatan Harapan

(PH), sebaliknya Kerajaan Perpaduan hasil gabungan kerjasama parti terbesar dan parti kecil lain yang memenangi pilihan raya, untuk membina dan mentadbir negara lebih baik daripada kerajaan terdahulu.

"Muhyiddin lupa kuasa pelantikan Perdana Menteri atas kuasa baginda Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan di bawah Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

"Begitu (juga) pelantikan Kabinet. Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sudah mempersembahkan senarai semua ahli jemaah Kabinet Kerajaan Perpaduan bagi mendapat perkenan baginda.

"Selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, barulah (senarai Kabinet) diumumkan Perdana Menteri," katanya.

Katanya, pelantikan jawatan Perdana Menteri juga diperkenan Yang di-Pertuan Agong, selepas perbincangan khas dengan Raja Melayu di Istana Negara.

"Muhyiddin seolah-olah terus meroyan apabila gagal dilantik

sebagai Perdana Menteri dan tidak sampai 24 jam Kabinet angkat sumpah Muhyiddin menuduh pembentukan kerajaan dan Kabinet tertubuh atas penipuan terhadap mandat rakyat yang tidak mempunyai sebarang keabsahan untuk berfungsi sebagai badan eksekutif tertinggi negara," katanya.

Ahmad Zahid berkata, kritikan Muhyiddin bahawa tindakan Perdana Menteri yang memegang jawatan Menteri Kewangan tidak melihat keperluan semasa, yang memerlukan Anwar dikenali mempunyai rekod baik dalam menguruskan ekonomi negara.

"Anwar juga pernah diiktiraf sebagai Menteri Kewangan terbaik dunia oleh *Euro Money Magazine* dan Menteri Kewangan Terbaik Asia oleh *Asia Money Magazine*.

"Anwar juga pernah mendapat *The Asian of The Year* dan Malaysia mendapat gelaran *The Asian Tiger* dalam kalangan negara Asia ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan.

"Sudah pasti pelabur asing lebih yakin untuk membuat pelaburan apabila Anwar memegang jawatan Menteri Kewangan," katanya.



Muhyiddin Yassin